

19/01/2005

MAHATHIR-MAHALEEL

MAHATHIR TIDAK SEDAR NIAT MAHALEEL UNTUK TINGGALKAN PROTON

PUTRAJAYA, 19 Jan (Bernama) -- Penasihat Proton Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak menyedari mengenai niat Tan Sri Mahaleel Tengku Ariiff untuk meninggalkan syarikat pengeluar kereta nasional itu, seperti yang dilaporkan pada hari Selasa.

"Saya tak dengar apa pun. Tak tahulah," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Joseph E Stiglitz, seorang profesor ekonomi Universiti Columbia di pejabatnya di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Stiglitz, yang merupakan seorang pakar ekonomi yang menjadi penerima anugerah Nobel adalah antara segelintir pakar ekonomi yang mempertahankan dasar kawalan modal Malaysia yang dilaksanakan dalam tahun 1998.

"Saya pun tak dapat tahu. Saya tak ingat dia nak ini (berhenti)," kata bekas Perdana Menteri ketika ditanya untuk mengulas mengenai satu laporan yang menyatakan bahawa ketua eksekutif kumpulan Proton Holdings Bhd itu tidak memperbaharui kontraknya apabila ia tamat dalam bulan April ini.

"Beliau tidak menyatakan mengenai niatnya (untuk berhenti) tetapi beliau ada memberitahu saya bahawa penggalnya akan berakhir dalam bulan April," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengenai laporan yang mendakwa bahawa Tengku Mahaleel akan digantikan oleh seorang ketua eksekutif asing, beliau berkata: "Setakat ini saya tak tahu apa."

--BERNAMA

MAD FR AHM